



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

LAPORAN EAIC: JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) LAKSANA LANGKAH PENAMBAHBAIKAN PENGUATKUASAAN

Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengambil perhatian sepenuhnya terhadap laporan siasatan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) bertarikh 18 Julai 2025, berkaitan kelemahan tindakan penguatkuasaan kawalan premis kitar semula oleh JAS Negeri Johor.

Pada 7 Julai 2025, JAS melalui pihak Kementerian telah mengambil maklum laporan siasatan Pasukan Petugas EAIC, yang menyimpulkan bahawa dakwaan pengadu adalah **tidak berasas**, berdasarkan justifikasi berikut:

1. **JAS Negeri Johor telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan** terhadap premis-premis yang diadukan mengikut undang-undang dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan;
2. **Semakan ke atas dokumen berkaitan** menunjukkan bahawa semua premis terbabit memiliki lesen sah daripada JAS dan pihak berkuasa tempatan (PBT), serta beroperasi di kawasan perindustrian yang diluluskan;
3. **Tiada bukti kukuh salah laku** yang dilakukan oleh mana-mana pegawai JAS Negeri Johor semasa melaksanakan penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]; dan
4. **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Cawangan Segamat** turut menjalankan siasatan dan mengesahkan tiada unsur rasuah dikesan, manakala tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya telah diambil oleh JAS terhadap premis berkenaan.

Dalam masa yang sama, JAS mengambil maklum keputusan rasmi Mesyuarat EAIC yang turut mengesahkan bahawa:

- Premis yang diadukan mempunyai lesen sah daripada JAS dan PBT serta beroperasi di kawasan yang diluluskan Majlis Perbandaran Segamat;
- Tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada;
- Tiada bukti salah laku pegawai JAS dikesan; dan
- Tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap premis-premis yang diadukan

Walaupun semua premis yang diadukan memiliki lesen sah untuk beroperasi, Jabatan percaya masih ada ruang untuk penambahbaikan. Sehubungan dengan syor yang diberikan, JAS komited untuk mengambil tindakan proaktif bagi menangani isu-isu yang dibangkitkan. Antara langkah-langkah yang akan diberi penekanan adalah:

i) Memastikan Kesalahan Berulang Dikenakan Tindakan Tegas

JAS akan meningkatkan pemeriksaan ke atas premis-premis bermasalah. Penekanan akan diberikan kepada tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap premis yang melanggar undang-undang secara berulang antaranya dengan melaksanakan Penahanan Operasi Kelengkapan, menggantung lesen premis yang ditetapkan dan menyediakan kertas siasatan untuk tindakan mahkamah sebagaimana yang diperuntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya

ii) Menambahbaik Prosedur Operasi Standard (SOP)

JAS juga telah meneliti, menyemak dan menambahbaik Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada bagi memastikan penyeragaman pemakaian di semua peringkat operasi, termasuk di peringkat negeri dan daerah. SOP ini juga telah diedarkan kepada semua anggota di JAS Negeri. Bagi memastikan SOP ini difahami dan dilaksanakan dengan baik, sesi libat urus berterusukan akan dilaksanakan dari masa ke semasa kepada semua peringkat pegawai.

iii) Pelaksanaan Garis Panduan Kompaun

JAS juga telah meminda garis panduan kompaun sedia ada bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan yang lebih baik dan adil. Selain itu tindakan pengeluaran tawaran kompaun memerlukan izin dari Timbalan Pendakwa Raya ini bagi memastikan proses keadilan mematuhi keperluan dan kehendak di bawah perundangan sedia ada.

iv) Perwakilan Kuasa

Perintah perwakilan kuasa yang menggabungkan enam (6) perintah sedia ada di bawah satu perintah yang dinamakan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa kepada Jabatan Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Perbadanan) 2025 yang telah diwartakan pada 7 Julai 2025 dan mula berkuat kuasa pada 8 Julai 2025. Perwakilan kuasa ini merupakan satu langkah proaktif dalam menangani pelbagai isu yang berada di bawah bidang kuasa Jabatan serta agensi-agensi yang terlibat.

JAS kekal komited dan akan terus bekerjasama secara strategik dengan semua pihak berkepentingan, termasuk Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), bagi memperkukuh penyampaian perkhidmatan serta memastikan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan dengan lebih berkesan, konsisten dan berintegriti. Jabatan juga sedang merangka serta melaksanakan pelan tindakan penambahbaikan secara berfasa bagi mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan dari semasa ke semasa.

DATO' WAN ABDUL LATIFF WAN JAFFAR
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR
19 JULAI 2025

